

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramaikah peserta yang mencarum KWSP mendapat manfaat khairat kematian yang diberikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejak tahun 2000 hingga 2014, dan berapakah nilai yang diperoleh setiap orang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penerima Bantuan Kematian yang telah dibayar kepada waris ahli atau penama bagi tahun 2000 hingga tahun 2014 adalah seramai 237,442 orang. Manakala nilai bayaran yang diterima oleh setiap waris

atau penama kepada ahli yang meninggal dunia adalah sebanyak RM2,500 bagi setiap kematian.